

TINJAUAN UMUM TERHADAP TEORI KEDATANGAN ISLAM KE ALAM MELAYU

ISMAIL HAMID

Universiti Kebangsaan Malaysia

Kebanyakan orientalis yang mengkaji tentang penyebaran Islam ke Alam Melayu membuat kesimpulan bahawa agama Islam telah dibawakan ke Alam Melayu dari India, selain dari Arab dan Parsi. Menurut G.W.J. Drewes, orang yang pertama membuat teori bahawa agama Islam di bawa ke Kepulauan Melayu berasal dari India ialah seorang pengkaji Belanda bernama Pijnappel, iaitu seorang profesor pengajian Melayu yang pertama di Universiti Leiden. Pijnappel telah memekankan bahawa pengembang Islam yang mula-mula menyiarkan agama Islam di Alam Melayu adalah terdiri daripada orang Arab bermazhab Syafii dari Gujarat dan Malabar kerana tempat ini sering disebutkan oleh buku-buku Sejarah Kepulauan Melayu. Dengan itu dapatlah dirumuskan bahawa Pijnappel adalah orang yang pertama yang mengemukakan pendapat bahawa Islam telah dibawakan ke Alam Melayu bukan dari Tanah Arab, tetapi dari India. Walau bagaimanapun, Pijnappel masih menyakini bahawa pengembang Islam yang terawal yang menyebarkan Islam ke Alam Melayu dari India itu terdiri orang Arab dari Gujarat dan Malabar, bukan dari keturunan India tempatan.¹

Ekoran daripada pendapat Pijnappel itu menurut Drewes, seorang lagi sarjana Belanda, iaitu Snouck Hurgrouge turut mengeluarkan pendapat bahawa Islam telah dibawakan ke Alam Melayu dari India, bukan secara langsung dari negeri Arab. Pada tahun 1883 Hurgrouge telah memberi ucapannya di satu Pameran Kolonial di Amsterdam. Beliau mengumumkan bahawa dalam pertemuan itu teori yang pertama tentang India Selatan sebagai tempat asal bagi agama Islam yang disebarkan di Alam Melayu. Hurgrouge menjelaskan bahawa agama Islam telah menguasai bandar-bandar pelabuhan di India Selatan. Akibatnya banyakkah orang Islam tinggal di Deka, dan mereka menjadi sebagai orang tengah dalam perdagangan antara negara-negara Islam di Timur Tengah dan Kepulauan Melayu. Kemudian beberapa orang Arab terutamanya dari keturunan Nabi Muhammad yang memakai gelaran Sayed atau Syarif melanjutkan usaha dakwah Islam sama ada "sebagai pengembang agama Islam atau sebagai putra-putra raja atau sebagai sultan". Hurgrouge telah menekankan bahawa pada tahun 1200 merupakan tarikh kemungkinan agama Islam mula-mula mengembang pengaruhnya di kalangan orang Melayu dan seterusnya dalam abad-abad yang berikut. Usaha dakwah ini dilakukan oleh orang India.²

Pada tahun 1912 J.P. Moquette telah membuat satu penemuan yang penting, iaitu batu nesan di Pasai bertarikh 1424. Batu seperti itu juga ditemui dikubur

¹G.W.J. Drewes, "New Light on the Coming of Islam to Indonesia", BKI (1968), hal. 440-441.

²*Ibid.*, hal. 441-443.

Maulana Malik Ibrahim di Gresik. Ekoran daripada itu didapati bahawa batu nesan di Pasai dan Gresik adalah serupa jenisnya dengan batu nesan yang terdapat di Cambany, Gujarat. Dari penemuan itu didapati bahawa pengeluaran batu nesan di Gujarat bukan sahaja untuk kegunaan bagi masyarakat tempatan, tetapi juga untuk tujuan eksport ke seberang laut terutama ke Sumatra dan Jawa. Daripada bukti ini maka kesimpulan dibuatkan bahawa Islam telah disebarakan ke Alam Melayu dari Gujarat India.³

Bukti di atas telah digunakan oleh sarjana-sarjana Belanda seperti R.A. Kern, Schrieke dan lain-lain sebagai dasar teori mereka tentang asal usul agama Islam yang datang ke Alam Melayu. Pendapat ini kemudian diambil oleh sarjana-sarjana lain seperti G.H. Bousquet, B.H.M. Vlekke dan J. Gonda. Kemudian diikuti oleh sarjana-sarjana Barat yang lain.⁴ T.W. Arnold yang membuat dakwaan yang sama menegaskan bahawa agama Islam telah dibawa ke Alam Melayu dari Coromandel dan Malabar, India. Alasan yang dikemukakan bahawa terdapat persamaan antara mazhab yang dianuti oleh penduduk antara kedua tempat yang tersebut. Keadaan itu diakui oleh pengembara Ibn Battutah sejak zaman yang silam.⁵

Sarjana-sarjana lain yang berpegang kepada teori yang sama termasuk D.G.E. Hall; ia menyokong pendapat yang mengatakan agama Islam yang terdapat di Alam Melayu ini berasal dari Gujarat dengan menggunakan bukti yang diperolehi oleh Moquette, iaitu tentang persamaan batu nesan di Gujarat dengan batu nesan yang ditemui di Sumatra dan Jawa. Kesimpulan dibuat bahawa agama Islam telah dibawa ke Alam Melayu dari Gujarat.⁶

Sementara R.O. Winstedt yang menyokong teori yang tersebut memberi bukti tambahan tentang penemuan batu nesan yang sama di Beruas, iaitu kawasan kerajaan Melayu tua di negeri Perak. Di samping itu Winstedt menyebut bahawa Sejarah Melayu (bab VII) memperlihatkan tentang adat istiadat negeri-negeri Melayu yang berhubung dengan pengimpotan batu nesan dari India.⁷

Brian Harrison pula adalah seorang sarjana yang juga mengikut teori yang sama. Ia mendakwa bahawa India pada masa yang lampau menjadi tumpuan bagi negeri-negeri di Asia Tenggara untuk mendapat inspirasi budaya. Untuk memenuhi maksud itu India telah menyiarkan agama Hindu dan Buddha kepada penduduk di kawasan ini. Apabila agama Islam diperkenalkan pula di India, maka India sekali lagi memainkan perana untuk mengembangkannya ke Alam Melayu.⁸ Pendapat yang terbaru sekali di kemukakan oleh sarjana Barat ialah dari H.E. Wilson yang

³S.Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia* (Singapore: Malaysia Sosisological Research Institute, 1963), hal. 31-32.

⁴*Ibid.*, hal. 5-6.

⁵T.W. Arnold, *The Preaching of Islam* (Lahore: Sh. Muhamud Asyraf, 1975), hal. 368.

⁶D.G.E. Hall, *A History of South-East Asia* (London: MacMillan, 1964), hal. 190-191.

⁷R.O. Winstedt, "The Advent of Muhammadanism in the Malay Peninsula and Archipelago", *JMBRAS*, 77 (1917), hal. 173.

⁸Brian Harrison, *South-East Asia, A Short History* (London, 1957), hal. 43.

telah mengkaji semula semua teori tentang kedatangan agama Islam ke Alam Melayu. Dalam analisis ini, Wilson mengambil kesimpulan bahawa ia bersetuju dengan teori tentang asal usul agama Islam yang dibawakan ke Alam Melayu dari India.⁹

Walaupun G.E. Marrison bersetuju dengan teori bahawa India merupakan sebagai tempat asalnya agama Islam di Alam Melayu, tetapi ia mempersoal tentang pendapat yang mengatakan Gujarat sebagai sumber asal Islam di Alam Melayu. Ia menafikan Gujarat sebagai sumber asal agama Islam di Alam Melayu kerana di waktu proses Islamisasi berlaku di Samudra Pasai dan tarikh kewafatan raja Muslimnya yang pertama di catatkan sebagai tahun 1297, pada kala itu Gujarat masih lagi terletak di bawah pemerintahan kerajaan Hindu. Sehingga tahun 1298 barulah Cambay jatuh ke tangan Islam. Jika Islam datang dari Gujarat, maka Gujarat mestilah sudah menjadi pusat Islam sebelum kematian Malik al-Salih, iaitu sebelum tahun 1297.¹⁰ Marrison menerangkan walaupun beberapa kali serangan orang Islam terhadap negeri Gujarat telah berlaku seperti pada tahun 1024, 1178 dan 1197, tetapi kerajaan Hindu terus menerus memerintah di negeri itu sehingga tahun 1297. Dari semua kawasan pesisiran negeri India, cuma Bengal sahaja yang telah ditakluki oleh orang Islam sejak awal abad ketiga belas masihi dan negeri ini yang muncul menjadi pusat Islam yang mengembang agama Islam hingga ke Alam Melayu. Oleh itu Marrison berpendapat bahawa Islam di perkenalkan ke Samudra Pasai oleh pendakwah Islam dari Coromandel pada akhir abad ketiga belas.¹¹

Pendapat Marrison ini disokong oleh de Jong, W.F. Wertheim.¹² S.Q. Fatimi yang menyokong teori ini mendakwa bahawa raja Pasai Merah Silu, menurut catatan China, telah menggunakan gelaran "Thakur" dan ia berkemungkinan dari keturunan Bengali. Alasan ini juga didasarkan kepada laporan yang diberikan oleh Tome Pires.¹³

G.W.J. Drewes menyokong pendapat Fatimi ketika membicang berbagai teori tentang kedatangan Islam ke Alam Melayu. Menurut Drewes berbagai teori kedatangan Islam telah dikemukakan oleh sarjana-sarjana Barat. Ia menyebut Keyzers, seorang sarjana yang terawal tentang undang-undang Islam di negeri Belanda yang mengemukakan pendapat bahawa agama Islam telah dibawakan ke Alam Melayu dari negeri Mesir kerana negeri yang tersebut mempunyai hubungan baik dengan negeri-negeri di Alam Melayu. Di samping itu persamaan mazhab agama antara Mesir dan negeri-negeri di Alam Melayu menguatkan hujahnya bahawa agama Islam yang disebarkan di Alam Melayu berasal dari negeri Mesir. Niemann (meninggal

⁹H.E. Wilson, "The Islami Zaton of South-East Azia: A Reassessment", *JHRIS*, No. 1, (August, 1972), hal. 5.

¹⁰G.E. Marrison, "The Coming of Islam to the East Indies", *JMBRAS* 24 Pt. 1 (1951), hal. 31-36.

¹¹*Ibid.*, hal. 31-36.

¹²S.Q. Fatimi, *op. cit.*, hal. 439.

¹³*Ibid.*, hal. 35.

1861) dan De Ho Ilander (meninggal 1861), juga menyebutkan bahawa Islam telah dibawakan ke Alam Melayu dari negeri Arab.¹⁴

John Crawford telah membuat cadangan bahawa mubaligh-mubaligh dari negeri Arab yang memainkan peranan dalam penyiaran Islam ke Kepulauan Melayu kerana orang Arab mempunyai angkatan laut yang kuat sehingga dapat belayar dengan mudah ke negeri-negeri di sebelah Timur.¹⁵ Marsden menekankan peranan pendakwah Arab dalam penyiaran Islam di Alam Melayu berdasarkan kepada catatan ahli sejarah bangsa Portugis Diego de Cauto yang telah melakukan penyelidikan di India. Ia telah melapurkan bahawa seorang bangsa Arab yang bertanggungjawab menarik Sultan Melaka menganut agama Islam.¹⁶

S.M. Najib al-Attas berpendapat penemuan batu nesan dari Gujarat di Pasai dan Gresik yang diperolehi oleh Moquett itu tidak boleh diambil kira sebagai bukti yang menunjukkan bahawa agama Islam disiarkan ke kawasan ini dari India. Batu nesan dan barang-barang keperluan bagi penduduk di daerah ini memang diimport dari India kerana Kepulauan Melayu berhampiran dengan negeri itu, jika dibandingkan dengan negeri Arab. S.M.N. al-Attas menegaskan bahawa bukti yang paling penting yang harus diambil kira dalam mengkaji teori kedatangan Islam ke Alam Melayu ialah sifat-sifat dalaman yang wujud dalam agama Islam itu sendiri.¹⁷

Ia menegaskan:

Sejak abad ke-17 dan sebelumnya semua bukti penulisan agama yang dikajikan tidak menunjukkan sebarang penulis dari keturunan India atau tulisan yang berasal dari India. Penulis yang dikatakan oleh sarjana Barat sebagai keturunan India sebenarnya adalah keturunan Arab atau Parsi dan apa yang dikatakan sebagai Parsi, sebenarnya adalah keturunan Arab sama ada ditinjau di segi ethnik atau budaya. Pendakwah-pendakwah yang awal jika ditinjau daripada nama gelaran adalah dapat dipastikan sebagai orang Arab atau Arab Parsi. Memang benar mereka datang ke Alam Melayu melalui India, tetapi masih terdapat segolongan daripada mereka yang datang terus dari Tanah Arab atau melalui Parsi atau China. Ada terdapat karya-karya itu dituliskan di India, tetapi tulisan itu berasal dari Tanah Arab atau Parsi, malah terdapat juga tulisan yang berasal dari Turki atau Maghribi, tetapi apa yang lebih penting bahawa pengajaran agama itu bercorak Timur Tengah, bukan India.¹⁸

Bagi pendapat saya apabila mengkaji tentang proses Islamisasi di Kepulauan Melayu, kita tidak seharusnya menolak langsung tentang kewujudan berbagai tulisan yang telah dibuatkan oleh penduduk tempatan sama ada dalam bentuk rekod bertulis maupun dalam bentuk tradisi lisan. Tradisi penduduk tempatan

¹⁴G.W.J. Drewes, *op. cit.*, hal. 439.

¹⁵John Crawford, *History of Indian Archipelago* (Edinburg, 1820), 2 hal. 259-260.

¹⁶William Marsden, *The History of Sumatra* (K. Lumpur: Oxford University Press, 1966), hal. 344.

¹⁷S.M. Naguib al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (K. Lumpur: UKM, 1972), hal. 33-34.

¹⁸S.M. Naguib al-Attas, *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago* (K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969), hal. 25.

membicारा tentang berbagai warisan dari zaman yang lampau. Walaupun warisan itu bercampur dengan berbagai fiksi dan legenda, namun tidak harus disangkal bahwa tulisan itu merupakan rekod sejarah lampau di kawasan itu. Sebenarnya bukan sahaja rekod sejarah tradisional bagi sesuatu tempat mengandungi fakta sejarah, malah tradisi lisan mengenai sesuatu daerah itu pun mengandungi unsur yang sama seperti kata Jan Vansina. Oleh sebab itu sejarah lisan mulai mendapat tempat di kalangan sajarawan dewasa ini.¹⁹

Kebanyakan penulis sejarah tradisional di daerah ini menyatakan bahawa pendakwah Islam yang terawal mengunjungi Alam Melayu dan mengislamkan datuk mereka adalah terdiri daripada orang Arab atau keturunan Arab. Mereka datang secara langsung dari Tanah Arab, dan segolongan daripada mereka itu tinggal menetap di daerah tertentu di Alam Melayu; ada yang telah berkahwin dengan wanita tempatan yang mereka telah Islamkan. Terdapat dalam kalangan pendakwah Arab ini yang telah berkahwin dengan putri-putri raja, kemudian mereka mewarisi dan menjadi sultan atau pemerintah di daerah-daerah yang tertentu di Alam Melayu. Yang lain pula memegang jawatan-jawatan agama seperti Kadi, Mufti dan guru-guru agama bagi penduduk tempatan.²⁰

Sejarah Melayu melaporkan bahawa pendakwah Islam yang mengislamkan raja Melaka ialah Sayyid Abdul Aziz, seorang pendakwah berbangsa Arab.²¹ *Hikayat Raja-raja Pasai*²² dan *sejarah Melayu*²³ menyebutkan bahawa Syarif dari Mekah telah menghantarkan Syekh Ismail untuk menjadi sebagai ketua rombongan untuk menyebarkan Islam di Sumatra.²⁴ *Sejarah Kedah* atau *Hikayat Merong Mahawangsa* menyatakan bagaimana Syekh Abdullah al-Yamani datang mengislamkan raja Kedah. Raja negeri itu kemudian diberi nama Sultan Muzaffar Syah.²⁵ *Sejarah Aceh* melaporkan bahawa agama Islam telah diperkenalkan ke daerah Sumatra Utara oleh pendakwah berbangsa Arab, iaitu Syekh Abdullah Arif. Seorang daripada pengikutnya bernama Syekh Burhan al-Din yang meneruskan tugas ketuanya menyiarkan agama Islam ke berbagai daerah hingga ke Priaman.²⁶

Dalam sejarah asal usul negeri Sulu terkandung laporan tentang pengembang-pengembang agama Islam yang mengunjungi daerah Sulu dan Mindanao seperti

¹⁹ Lihat Jan Vansina, *Oral Tradition, A Study in Historical Methodology* (Chicago: Aldine Publishing Co., 1965), hal. 154-157.

²⁰ Seperti Hikayat Raja-raja Pasai, Hikayat Patani, Hikayat Merong Mahawangsa, Sisilah Kutai, Hikayat Aceh dan lain-lain.

²¹ C.C. Brown (trans.) *Sejarah Melayu* (K. Lumpur: OUP, 1920), hal. 34-44.

²² A.H. Hill (ed.) "Hikayat Raja-raja Pasai", *JMBRAS* 33 (June, 1960), hal. 58-60.

²³ C.C. Brown, *op. cit.*, hal. 31.

²⁴ Liaw Yoch Fang, *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik* (Singapura: Pustaka Nasional, 1975), hal. 228-229.

²⁵ S.M. Naguib al-Attas, *Preliminary Statement*, hal. 11.

²⁶ Cesar Adib Majul, *Muslimism the Philippines* (Quezon: University of Philippines 1973), hal. 54-60.

Syarif Awliya, Syarif Hasan dan Syarif Maraja yang berasal dari negeri Arab. Winstedt menyebut bahawa pengembang Islam yang pertama sampai ke Jawa ialah orang Arab. Pendakwah ini bernama Mawlana Malik Ibrahim; ia mengunjungi Gresik dan menetap di situ sehinggalah ia meninggal dunia pada tahun 1419. Pada masa kejatuhan Majapahit seorang pendakwah Arab bernama Syekh Nur al-Din Ibrahim bin Mawlana Israil atau Sunan Jati telah menetap di Jati dekat Caribon. Ia dan keluarganya mendapat kuasa politik dan tidak lama kemudian ia telah menjadi pemerintah Caribon. Daerah Jakarta di perintah oleh seorang lagi putranya, iaitu Hasan al-Din.²⁷ Radin Rahmat memainkan perana penting dalam mengislamkan Pulau Jawa. Ia adalah putra seorang pendakwah Arab dari Campa. Seorang keturunan Arab yang lain yang menjadi pendakwah di Jawa ialah Mawlana Ishaq dari Pasai. Ia mengislamkan Balambangan, dan seluruh kawasan Timur Pulau Jawa.²⁸

Penemuan-penemuan tentang hubungan antara India Selatan dengan kepulauan Melayu sebenarnya menunjukkan kemungkinan pendakwah-pendakwah dari India juga turut sama memainkan peranan dalam proses Islamisasi di kepulauan Melayu. Sumbangan mereka berserta orang Arab, Parsi dan pendakwah dari keturunan Melayu sendiri telah mengambil bahagian dalam penyebaran agama Islam ke seluruh kawasan Alam Melayu. Walau bagaimanapun tidaklah dapat dinafikan peranan pendakwah Arab yang memainkan peranan dalam penyebaran Islam di seluruh Alam Melayu. Cesar Adib Majul menyatakan:

Pada keseluruhan dalam penyiaran Islam ke Malaysia peranan Gujarat dan India Selatan amat penting sekali. Walau bagaimanapun kita tidak harus menekan peranan Indian Muslim dalam penyiaran agama Islam sehingga menafikan jasa yang telah disumbangkan oleh syarif-syarif Arab, Syed-syed dan pengembara Arab dalam gerakan dakwah Islamiah di samping orang Melayu sendiri.²⁹

Teori bagaimana Islam disebarkan ke Alam Melayu telah dikemukakan oleh beberapa orang sarjana. Teori yang tertua sekali menyatakan bahawa agama Islam disiarkan ke Alam Melayu melalui saluran perdagangan seperti yang telah dicadangkan oleh Tome Pire yang telah menulis mengenai perkara ini pada tahun 1515. Teori itu menyatakan bahawa proses Islamisasi di kepulauan Melayu dilakukan secara aman oleh pedagang-pedagang yang tinggal di beberapa tempat dan berkahwin dengan wanita-wanita tempatan. N. Krom berpegang kepada pendapat yang sama, dan ia menekankan tentang persamaan antara proses Islamisasi dengan proses penyebaran agama Hindu di Alam Melayu sebelum kedatangan agama Islam. Ia juga berpendapat bahawa penyebaran agama Islam itu dilakukan oleh pedagang-pedagang Islam.³⁰ H. Kern juga berpegang kepada teori yang sama, dan ia menambah

²⁷R.O. Winsted, "The Advent of Muhammadanism", hal. 175.

²⁸S.M. Naguib al-Attas, "Premilitary Statement," hal. 13.

²⁹Cesar Adib Majul, "Theories on the Introduction of Islam and Expansion of Islam in Malaysia", SJ II No. 4 (1964), hal. 344.

³⁰*Ibid.*, hal. 347.

bahawa apabila peniaga-peniaga yang kaya telah berkahwin dengan keluarga pemerintah tempatan sedikit demi sedikit mereka dapat menguasai poliik negeri yang berkenaan.³¹

Tetapi A.H. John memberi teori yang agak berbeza, ia berpendapat agama Islam bukan dibawakan oleh pedagang-pedagan kerana menjadi suatu yang luarbiasa para pedagang begitu berminat untuk menjalankan dakwah agama. Yang berkeungkinan bahawa pedagang-pedagang itu menjadi ahli kumpulan Sufi yang tertentu dalam pengembaraan mereka, pedagang-pedagang itu ditemani oleh Syekh Sufi yang berkenaan. Ahli-ahli Sufi inilah yang sebenarnya yang menjalankan dakwah agama Islam di Alam Melayu.³² S.Q. Fatimi bersetuju dengan pendapat ini dan menyokong teori proses Islamisasi di Alam Melayu ini dilakukan oleh ahli-ahli Sufi.³³

Van Leur mengemukakan teorinya yang mengatakan bahawa proses Islamisasi di Kepulauan Melayu disokong oleh situasi politik dan juga motif politik. Melaka dikatakan menganut agama Islam kerana bermaksud mendapat sokongan pedagang-pedagang Islam. Hal yang sama juga dikatakan dilakukan oleh kerajaan-kerajaan di pesisir kepulauan Indonesia. Negeri-negeri itu menganut agama Islam kerana untuk mengelak dari pengaruh kerajaan Majapahit. Kerajaan-kerajaan Islam yang baru menuntut sokongan orang Islam untuk mempertahankan kerajaan mereka yang bercorak Islam. Kerajaan-kerajaan ini berharap pertumbuhan aktiviti perdagangan dengan sokongan dari pedagang-pedagang Islam. Van Leur cuba menumpukan faktor-faktor politik dan ekonomi yang menjadi dorongan yang kuat untuk kerajaan Melayu menganut agama Islam.³⁴

Schrieke menekankan bahawa perkahwinan peniaga Islam yang kaya dengan keluarga di raja tempatan telah menjadi faktor yang utama dalam penyebaran Islam ke seluruh Alam Melayu. Walau bagaimanapun sukar untuk menunjukkan bukti tentang pengislaman yang dilakukan secara besar-besaran di suatu daerah yang tertentu. Hubungan perkahwinan seperti ini menyebabkan pengislaman bagi jumlah yang kecil sahaja. Schrieke juga cuba menghubungkan faktor penyebaran Islam di kepulauan Melayu dengan usaha saingan untuk mengatasi perkembangan agama Kristian. Konfrontasi antara Islam dan Kristian di Asia Barat dan di Semenanjung Iberia di Eropah juga dilanjutkan di Alam Melayu. Pertentangan terus menerus berlaku antara Portugis dengan peniaga-peniaga Islam, raja-raja Islam dari negeri Arab, Parsi dan India. Faktor saingan ini telah mendorong semangat penyiaran agama Islam di Alam Melayu. Keadaan ini dapat dianggap sebagai satu usaha untuk menahan pengaruh agama Kristian di sebelah Timur.³⁵

³¹ *Ibid.*

³² A.H. John, "Sufism As Category in Indonesia Literature and History", *JSAH* 2, (1961), hal. 3.

³³ S.Q. Fatimi, *op. cit.*, hal. 100.

³⁴ C.A. Majul, "Theories on the Introduction", hal. 373.

³⁵ *Ibid.*, hal. 373-377.

Akhir sekali penjelasan yang lebih tepat lagi bahawa pengislaman yang berlaku di daerah ini kerana disebabkan oleh semangat ideologi Islam itu sendiri. Pengislaman beramai-ramai itu jarang berlaku di mana-mana masyarakat kecuali jika berlaku pertegangan atau rasa tidak puas hati anggota sesuatu masyarakat terhadap sistem yang wujud dalam masyarakat mereka. Jika keadaan ini berlaku, maka sudah tentu menjadi dorongan yang kuat bagi anggota masyarakat itu untuk mencari kepercayaan atau sistem nilai yang baru. Wertheims menunjukkan bagaimana idea persamaan dan harga diri bagi setiap insan dalam masyarakat Islam yang menjadi daya penarik yang utama kepada penduduk di kepulauan Melayu daripada sistem kasta Hindu yang diamalkan selama ini dalam kehidupan mereka seharian.³⁶ Sesungguhnya konsep Islam tentang persamaan telah mendapat sambutan yang meluas di kalangan rakyat jelata di daerah-daerah yang didatangi oleh pedagang Islam atau daerah-daerah yang dikuasai oleh kerajaan-kerajaan Hindu.

³⁶*Ibid.*, hal. 382-383.